



Arkitek landskap cari kerja kerugian RM67k

Kuala Terengganu: Penolong arkitek landskap kerugian RM67,789 apabila terperangkap dengan tawaran kerja tidak wujud secara dalam talian.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, mangsa wanita berusia 20 tahun membuat laporan polis di Balai Polis Kuala Terengganu kira-kira jam 9.29 malam kelmarin.

Menurutnya, pada 12 Disember lalu kira-kira jam 3.30 petang ketika berada di rumah, mangsa melayari laman sosial Instagram dan melihat satu iklan tawaran kerja sambil-

Katanya, mangsa yang berminat untuk menyertai tawaran kerja itu kemudiannya menekan pautan pada iklan berkenaan dan disambungkan kepada talian di aplikasi WhatsApp.

Selepas itu mangsa diminta untuk berhubung melalui aplikasi Telegram.

Pada peringkat awal mangsa diminta mema-

sukkan wang sebanyak RM10 bagi tujuan pendaftaran.

Selepas itu mangsa diarahkan melayari laman sesawang 'Padini Holding' dan diberikan tugas iaitu perlu membeli barang (random) yang ada di dalam laman berkenaan serta membuat pembayaran.

Azli berkata, mangsa dijanjikan komisen untuk bayaran barang berkenaan.

“Mangsa hanya dapat keuntungan pada tugas pertama dan kedua sahaja”
Azli

“Mangsa kemudian membuat 16 tugas kerja bagaimanapun hanya mendapat keuntungan pada tugas pertama dan kedua sahaja berjumlah RM50 dan RM280.

“Bagi tugas seterusnya mangsa membuat pembayaran sebanyak 11 kali berjumlah RM67,789 ke lima akaun bank yang berbeza bermula 12 hingga 14 Disember,” katanya.

Menurutnya, walaupun sudah melakukan banyak pembayaran bagi tugas itu namun mangsa tidak menerima sebarang keuntungan seperti dijanjikan.